

MAHATHIR

1981

JITRA, 26 FEB. (BERNAMA) — MALAYSIA TERPAKSA MENUMPUKAN USAHA KE ARAH MEWUJUDKAN INDUSTRI BERAT DALAM MASA 10 TAHUN INI BAGI MENJAMIN MASA DEPAN YANG CERAH, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA SEJAK MERDEKA KERAJAAN TELAH BERUSAHA MEMBANYAKKAN INDUSTRI UNTUK MENGADAKAN PELUANG PEKERJAAN DI SAMPING MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA.

KEJAYAAN YANG DICAPAI DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN AMAT BAIK DAN MENDAPAT SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN DARI PARA PELABUR ASING.

BERUCAP DI MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN AHLI-AHLI MCA DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG HWA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA PERLU MELANGKAH SETAPAK LAGI KE HADAPAN MENERUSI PENGLIBATAN DALAM INDUSTRI BERAT.

KATANYA, KERAJAAN BELUM BERPUAS HATI TERHADAP TAHAP INDUSTRI YANG ADA SEKARANG DAN NEGARA INI TIDAK BOLEH TERUS BERGANTUNG KEPADA KEKAYAAN SUMBER ALAM SAHAJA. — BERSAMBUNG 2325/AB

B646:

MAHATHIR 2 JITRA

SEKTOR INDUSTRI BERAT BUKAN SAHAJA DAPAT MENGADAKAN PELUANG PEKERJAAN YANG BANYAK TETAPI JUGA MELETAKKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA INDUSTRI YANG TERKEMUKA DI RANTAU INI.

KATA BELIAU INDUSTRI BERAT MEMERLUKAN MODAL YANG BANYAK DI MANA KERAJAAN SENDIRI AKAN MEMAINKAN PERANAN UTAMA DENGAN MENANAM MODAL DI DALAM SEKTOR ITU SEPERTI KILANG SIMEN DI LANGKAWI, PERUSAHAAN BESI DI TRENGGANU DAN GAS CECAIR DI BINTULU.

KATANYA, APABILA INDUSTRI BERAT TERLAKSANA KELAK, SEKTOR LAIN SEPERTI PERNIAGAAN, PENGANGKUTAN DAN PEMBEKALAN AKAN TURUT MENDAPAT FAEDAH DARINYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA USAHA KERAJAAN IALAH MENGEMBANGKAN EKONOMI NEGARA UNTUK MEMBOLEHKAN SETIAP GOLONGAN RAKYAT TANPA MENGIRA KETURUNAN MENIKMATI FAEDAH TERSEBUT.

PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU JUGA MEMPUNYAI TUJUAN YANG SAMA DI MANA SETIAP KAUM MENDAPAT FAEDAHNYA MENERUSI BERBAGAI SEKTOR YANG TERLIBAT. — BERNAMA 2329/AI